

TUDUHAN TANPA BUKTI BERBAHAYA

BH 8 SEP 1987

KUANTAN, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa sebarang ramalan dan tuduhan tanpa bukti yang jelas mengenai kejadian membakar masjid di negeri ini boleh mencestuskan rusuhan kaum.

"Tidak ada bukti yang jelas menunjukkan sama ada kejadian itu dilakukan oleh pendatang haram Indonesia beragama Kristian atau kumpulan orang Islam yang murtad," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata tuduhan yang tidak berasas

dan membabitkan masalah agama boleh menimbulkan perselisihan faham yang akan membawa kepada rusuhan antara masyarakat Islam dan Kristian di negara ini.

Menurutnya, polis sedang menyiasat kejadian itu dan beberapa maklumat sudah diterima tetapi tidak boleh diumumkan kerana masih disiasat.

"Pada pendapat saya, mereka tidak menjalankan kegiatan itu kerana mereka datang ke negara ini untuk mencari kerja dan mereka tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kedudukan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memandang berat perkara itu dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana dapat mententeramkan perasaan rakyat negeri ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menafikan dakwaan kononnya 2,000 peneroka Felda yang beragama Islam di negeri ini memeluk agama Kristian kerana tiada bukti jelas mengenai perkara itu.

"Dakwaan seperti itu amat bahaya. Apa yang saya tahu, orang yang bukan beragama Islam memeluk Islam kerana perkahwinan dan selepas itu balik kepada agama asal akibat perceraian.

"Saya minta polis mencari orang Islam yang menukar agama itu tetapi sampai sekarang tidak jumpa," katanya.

Perdana Menteri juga sudah mengarahkan Pusat Islam supaya membuktikan dakwaan mereka mengenai perkara itu.